

18/09/2002

Cuepacs jangka kerajaan beri bonus

Hassan Omar

KUALA NERANG, Selasa - Cuepacs menjangka kerajaan akan mengumumkan bonus sebulan gaji untuk 960,000 kakitangan awam dalam Belanjawan 2003 yang akan dibentangkan Jumaat ini.

Presidennya, Datuk N Siva Subramaniam, berkata Cuepacs sebelum ini meminta bonus dua bulan diberikan kepada kakitangan awam.

"Memang Cuepacs meminta bonus dua bulan gaji tetapi saya yakin kerajaan akan memberikan sebulan gaji.

"Kami sudah berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas kami mengemukakan permohonan itu. Bagaimanapun, Cuepacs menyerahkan keputusan jumlah bonus itu kepada kerajaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas majlis perasmian Khemah Kerja Bakti Pembantu Pertanian Peringkat Kebangsaan di Kampung Baru, mukim Tualak, dekat sini hari ini.

Majlis itu disempurnakan Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain. Khemah kerja empat hari itu bertujuan meningkatkan kualiti kerja Pembantu Pertanian dalam memajukan sektor pertanian di negeri masing-masing.

Ia dihadiri kira-kira 163 Pembantu Pertanian dari seluruh negara.

Siva hadir untuk memberikan ceramah 'Sumbangan Kesatuan Pekerja Dalam Pembangunan Sektor Awam' kepada peserta kursus berkenaan.

Pada Belanjawan 2002 tahun lalu, kerajaan memberikan bonus setengah bulan gaji atau sekurang-kurangnya RM1,000 kepada kakitangan sektor awam selain kenaikan gaji pokok 10 peratus mulai Januari lalu.

Belanjawan 2003 akan dibentangkan Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

Pada 3 Ogos lalu, Dr Mahathir dilaporkan berkata, kerajaan sedia mengkaji permintaan Cuepacs untuk mendapatkan bonus dua bulan gaji bagi kakitangan awam.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, ia tidak bermakna kerajaan bersetuju dengan permohonan itu.

Setiausaha Agung Cuepacs, Abdul Rahman Manan dilaporkan mengemukakan permohonan itu akhir Julai lalu.